

ADAB MENUNTUT ILMU: PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN NORMA BAHARU

SOLHAL HUDA SAHIDAN
solhalhuda@gmail.com

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Pauh Putra

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman pelajar terhadap konsep menuntut ilmu dan penghayatan adab pelajar dan pensyarah dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran norma baharu di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS), Pauh Putra. Kajian ini adalah kajian deskriptif berbentuk tinjauan. Instrumen kajian adalah borang soal selidik yang dilengkapkan secara dalam talian melalui aplikasi google form untuk mengumpul maklumat. Seterusnya data dianalisis menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 22.0. Sampel kajian melibatkan pelajar semester satu dan dua seramai 485 responden yang terlibat dengan pembelajaran dalam talian bagi Sesi Jun 2020. Hasil kajian, ditunjukkan dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min. Dapatan menunjukkan tahap kefahaman pelajar terhadap konsep menuntut ilmu berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min ialah 4.77. Begitu juga dengan penghayatan adab pelajar dalam pelaksanaan pembelajaran dalam talian berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min ialah 4.40. Manakala, adab pensyarah dalam pelaksanaan pengajaran dalam talian menunjukkan nilai min 4.73. Secara keseluruhannya, kajian mendapati pelajar memahami dan mengamalkan adab menuntut ilmu dalam pelaksanaan pembelajaran dalam talian. Walaubagaimanapun, beberapa aspek adab perlu diberi perhatian terhadap kedua-dua pihak iaitu pelajar dan pensyarah terutama item yang tidak mencapai tahap maksima supaya penghayatan adab diamalkan sepenuhnya oleh mereka. Justeru itu, kajian ini menyarankan adab-adab yang harus diamalkan oleh pelajar dan pensyarah dalam konteks pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian sebagai kelaziman baharu.

Kata kunci: adab, pengajaran dan pembelajaran dalam talian (PdPDT)

1. Pengenalan

Islam amat menekankan umatnya untuk mengamalkan adab dalam kehidupan. Adab merangkumi segenap aspek kehidupan manusia iaitu adab terhadap ibu bapa dan keluarga, adab dalam kehidupan bersosial, adab menuntut ilmu dan adab terhadap Allah dan Rasul. Istilah adab berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud berkumpul sifat-sifat yang baik pada diri hamba (Ibnu Qayyim, 2011 dalam Adibah Sulaiman, 2019). Secara umumnya, istilah adab cenderung ditakrif sebagai perilaku baik termasuk kesopanan yang perlu diterjemahkan dalam kehidupan sehari-hari. Ia juga sangat berkait rapat dengan maksud pendidikan. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud "*Tuhanku telah mendidiku dengan pendidikan yang terbaik*". Penghayatan adab dalam diri pelajar sangat perlu dititikberatkan sebagaimana digambarkan bahawa ilmuan terdahulu memperuntukkan masa mempelajari adab sebelum mempelajari sesuatu ilmu. Pendidikan secara digital sebagai alternatif masa kini dalam berdepan dengan wabak Coronavirus telah menjadi kelaziman bagi meneruskan

pengajaran dan pembelajaran (PdP) di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Dalam pelaksanaan PdP secara dalam talian (PdPDT), adab menuntut ilmu perlu diikuti oleh pelajar bagi memastikan proses menuntut ilmu dilaksanakan dengan baik dan mencapai objektifnya. Menurut Hasnizam Hashim (2020), kegagalan menerapkan kefahaman adab yang baik semasa sesi pembelajaran secara dalam talian serta mempraktikkannya akan mengundang suasana yang tidak harmoni sekaligus mengganggu keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

1.1 Latar Belakang Kajian

Pandemik Novel-Coronavirus (COVID-19) yang melanda dunia telah banyak mengubah lanskap kehidupan manusia ke arah amalan norma baharu. Budaya kerap membasuh tangan, penjarakan fizikal dan memakai pelitup separuh muka seperti saranan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi memutuskan rantai COVID-19 telah menjadi amalan norma baharu masyarakat masa kini. Berhubung pengendalian aktiviti akademik di Institut Pengajian Tinggi (IPT), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) hanya membenarkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) dilaksanakan secara dalam talian sehingga 31 Disember 2020 bagi mencegah penularan wabak COVID-19 di IPT (Surat Makluman Pengendalian Aktiviti Akademik di Kampus, 28 Mei 2020). Penangguhan pengajian secara bersemuka di politeknik kepada PdPDT merupakan kelaziman baharu kepada pensyarah dan pelajar bagi proses kelangsungan pelaksanaan PdP. Ia menuntut komitmen dan kesungguhan pensyarah dan pelajar bagi memastikan pelaksanaan PdP berjalan lancar. Ini kerana, kebanyakan pelajar menghadapi masalah seperti capaian internet yang lemah dan tiada kemudahan peranti elektronik. Selain itu, cabaran besar lain dalam meneruskan PdPDT ialah aspek adab atau akhlak bagi pelajar mahupun pensyarah sebagai perkara utama dalam proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Meskipun pelaksanaan PdP dijalankan secara dalam talian aspek adab tidak boleh dikesampingkan sebagaimana pelaksanaan PdP secara bersemuka. Ini kerana, penghayatan adab dalam proses pengajaran dan pembelajaran sangat diutamakan dalam Islam.

1.2 Penyataan Masalah

Pendidikan secara digital menjadi keutamaan masa kini dalam berdepan dengan cabaran COVID-19 bagi memastikan kelestarian pendidikan samada di peringkat rendah, menengah dan IPT. Proses penyampaian ilmu tanpa bersemuka masih dapat dilaksanakan dengan kecanggihan teknologi seperti penggunaan aplikasi Webex, Zoom, Microsoft Teams, Google Meet mahupun platform tersendiri yang dibangunkan oleh institusi pendidikan seperti portal CIDOS di politeknik. Namun, penghayatan konsep adab melalui PdP secara dalam talian mungkin kurang diberi perhatian. Dapatan kajian Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) mendapati 93 peratus guru memilih mengajar secara bersemuka. Ini kerana, hanya 20-30 peratus murid mengikuti pengajaran dalam talian di samping masalah-masalah lain seperti suasana di rumah yang tidak kondusif untuk pembelajaran. Menurut Mohd Azizee Hasan penyertaan pelajar bagi sesi tidak bersemuka amat rendah sekali dan isu utama adalah disiplin murid (Berita Harian, 23 Jun 2020).

Selain itu, perkembangan teknologi yang mengujakan telah memberi pengaruh yang besar kepada remaja yang juga merupakan golongan pelajar. Permainan seperti video *games* merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kurangnya penghayatan adab dalam diri pelajar. Kebanyakan pelajar kini lebih banyak meluangkan masa dengan permainan video sehingga mendatangkan ketagihan dan menjejaskan aktiviti harian mereka. Kajian mendapati permainan video *online* lebih banyak dalam kalangan lelaki berusia antara 12 hingga 20

tahun. Kesan serius ketagihan permainan ini adalah kegagalan belajar, kehilangan pekerjaan dan kegagalan hubungan (Sherina Mohd Sidik, 6 Mei 2020). Hasilnya, para pelajar yang jelas tergolong dalam lingkungan usia tersebut kurang kemahiran komunikasi dengan pensyarah dan orang lain apabila asyik dengan permainan video *online* serta kurang tumpuan semasa PdPDT berlangsung. Kajian oleh Naquiah Nahar dan Sahrinizam Sangi *et.al.* (2018), menunjukkan penggunaan teknologi moden yang tidak terkawal telah memberi kesan negatif kepada perkembangan fizikal dan otot, kemahiran interpersonal serta kemerosotan prestasi akademik. Komunikasi yang baik menunjukkan pelajar mempunyai kemahiran interpersonal yang baik sehingga hubungan dengan pensyarah menyenangkan seperti yang ditekankan dalam adab komunikasi Islam seperti memberi salam, bercakap dengan lemah lembut dan memilih perkataan yang baik. Namun, sebaliknya apabila pelajar dipengaruhi dengan permainan video *online*. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengetengahkan adab-adab menuntut ilmu yang harus diamalkan oleh pelajar dan adab pensyarah dalam konteks pelaksanaan PdP secara dalam talian.

1.3 Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kefahaman dan penghayatan pelajar dan pensyarah di politeknik terhadap adab-adab semasa pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Objektif kajian ini secara khusus adalah untuk:

1. Mengetahui tahap kefahaman pelajar terhadap konsep adab menuntut ilmu dalam Islam.
2. Mengetahui adab pelajar dalam proses pembelajaran dalam talian.
3. Mengetahui adab pensyarah dalam pelaksanaan pengajaran dalam talian.

2. Tinjauan literatur

Menuntut ilmu merupakan kewajipan bagi setiap individu Muslim sebagaimana yang dituntut dalam Islam. Bagi memperoleh kebaikan dan keberkatan ilmu tersebut, setiap pelajar mahupun pendidik hendaklah mengamalkan adab-adab supaya mendapat kebaikan daripada ilmu tersebut. Perkaitan antara ilmu dan adab banyak dibincangkan oleh al-Attas (1980) yang mana adab berperanan memandu manusia ke arah kebaikan dan membentuk insan yang baik. Begitu juga yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan yang berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri supaya dapat mengembalikannya kepada keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

Menurut Adibah Sulaiman@Mohamad *et.al.*, (2019), dapatan menunjukkan penghayatan konsep adab dalam proses PdP tidak hanya terhad kepada golongan pelajar tetapi juga mencakupi adab guru kerana Islam sangat mementingkan adab. Kajian ini menjelaskan adab guru meliputi adab terhadap diri sendiri dengan melakukan amal ibadah tertentu yang boleh mendekatkan diri kepada Allah, adab guru dengan ilmu pengetahuan dan adab ketika pengajian dengan memilih waktu dan tempat yang sesuai dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, adab pelajar terbahagi kepada adab terhadap diri sendiri, adab dengan guru, adab dengan ilmu, adab dengan buku dan adab dalam majlis ilmu. Menurutnya lagi, meskipun, proses pendidikan mengalami perkembangan dengan penggunaan teknologi moden dan canggih, namun pada masa yang sama konsep adab perlu ditekankan dalam proses pembentukan peribadi pelajar dalam memulakan proses pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, seseorang guru atau pendidik perlu melazimi dengan adab-adab yang mulia. Kajian oleh Mohd Anuar Mamat dan Wan Suhaimi Wan Abdullah (2014), bertajuk Adab-Adab Guru Menurut Imam Abu Hanifah : Kajian Terhadap *Wasiyyah Abi Hanifah Li Abi Yusuf* memuatkan pesanan Abu Hanifah yang menyeluruh dan khusus kepada para guru. Analisis mendapati lima adab utama yang ditekankan merangkumi adab guru terhadap diri sendiri sebagai seorang guru, adab terhadap ilmu, adab terhadap murid, serta adab terhadap para guru terdahulu. Adab pertama yang disarankan oleh Abu Hanifah ialah guru perlu mempertingkatkan ilmu dalam bidang yang diceburi khasnya ilmu yang berkaitan agama. Seterusnya adab yang ditekankan ialah guru perlu sentiasa berusaha meningkatkan amalan dan ibadat melebihi orang awam. Ini kerana guru merupakan contoh tauladan kepada pelajar dalam menyampaikan ilmu (Nasih Ulwan, 1997). Abu Hanifah juga menjelaskan bahawa pengajaran memerlukan keikhlasan yang akan terserlah melalui amalan guru. Keikhlasan menjadikan aktiviti pengajaran sebagai suatu ibadat dan bukanlah dilakukan untuk memperoleh harta benda duniawi semata-mata.

Mahasiswa dan adab menuntut ilmu, ke arah keberkatan ilmu dan kehidupan sebagai seorang pelajar oleh Wijaya Kamal Ramlan (2019), menjelaskan adab-adab yang perlu dititikberatkan oleh pelajar ialah niat menuntut ilmu dan menjaga hubungan yang baik dengan Pencipta dan sesama makhluk. Ini termasuk menjaga hubungan dengan guru dan pensyarah seperti memberikan salam, sentiasa hadir awal ke kuliah, bertanya soalan sekiranya kurang memahami sesuatu, tidak membuat bising di dalam kuliah dan lain-lain amalan baik yang boleh diamalkan dalam proses menuntut ilmu.

Hasil daripada beberapa literatur menunjukkan terdapat kajian lepas berkaitan adab-adab guru-pelajar. Namun, kebanyakan kajian-kajian tersebut dijalankan dalam bentuk kualitatif iaitu menggunakan metodologi pendekatan teks deduktif dan analisis manuskrip atau makalah. Justeru itu, pengkaji berpandangan kajian ini wajar dilaksanakan dalam konteks semasa bagi melihat penghayatan adab dalam diri pelajar dan pensyarah melalui pengajaran dan pembelajaran secara digital berdasarkan kelaziman baharu.

3. Metodologi kajian

3.1 Kaedah Kutipan Data Dan Sampel Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang melibatkan pelajar semester satu dan dua di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis. Rasional pemilihan responden adalah kerana mereka terlibat dengan pembelajaran secara dalam talian. Kaedah pensampelan rawak kelompok digunakan dan jumlah sampel yang terlibat seramai 485 orang daripada populasi 931 orang pelajar (Cohen *et.al.*, 2007).

3.2 Instrumen kajian

Proses pengumpulan data bagi kajian ini adalah menggunakan instrumen soal selidik yang dibangunkan oleh pengkaji. Borang soal selidik mengandungi empat bahagian iaitu bahagian A ; Demografi pelajar, bahagian B ; Tahap kefahaman pelajar terhadap konsep adab menuntut ilmu dalam Islam, bahagian C ; Adab pelajar dalam proses pembelajaran dalam talian dan bahagian D ; Adab pensyarah dalam pelaksanaan pengajaran dalam talian. Skala pengukuran nominal digunakan di bahagian A manakala skala likert iaitu skala pengukuran jenis ordinal digunakan di bahagian seterusnya. Skala likert dengan pilihan lima mata digunakan iaitu (1) Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Kurang Setuju, (4) Setuju dan (5) Sangat Setuju.

Kebolehpercayaan sesuatu instrumen adalah penting bagi memastikan dapatan yang diperolehi boleh dipercayai dan tidak dipersoalkan (Kerlinger & Lee, 2001). Oleh itu, kajian rintis telah dijalankan ke atas 30 orang sampel bagi memastikan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan menepati kajian. Ujian *Cronbach's Alpha* telah dijalankan dan sekiranya nilai r menunjukkan nilai yang tinggi, maka instrumen yang digunakan adalah tinggi nilai kebolehpercayaannya. Keseluruhan nilai alpha bagi instrumen yang digunakan ialah .924 dan interpretasi menunjukkan sangat baik. Ringkasan analisis ditunjukkan seperti Jadual 1 dan 2. Didapati *Cronbach's Alpha* bagi setiap bahagian memberikan petunjuk yang baik tentang kebolehpercayaan instrumen tersebut.

Jadual 1. Interpretasi skor alpha-cronbach

Nilai koefisien α	Interpretasi
≥ 0.9	Sangat baik
≥ 0.8	Baik
≥ 0.7	Diterima
≥ 0.6	Diragui
≥ 0.5	Lemah
≤ 0.5	Ditolak

Jadual 2. Ujian kebolehpercayaan instrumen kajian

Pemboleh ubah	Bilangan item	Cronbach's alpha
Kefahaman pelajar terhadap konsep menuntut ilmu	12	.801
Adab pelajar dalam proses pembelajaran dalam talian	12	.890
Adab pensyarah dalam pelaksanaan pengajaran dalam talian	12	.947

3.3 Prosedur Analisis Data

Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS 22.0 for Windows)*. Sebanyak 503 telah diterima dan 485 borang soal selidik yang lengkap telah dianalisis. Analisis data daripada borang soal selidik ini melibatkan penggunaan statistik deskriptif untuk memperihalkan data-data asas responden kajian, iaitu berkaitan dengan demografi responden. Manakala analisis data bagi bahagian B, bahagian C dan bahagian D menggunakan peratusan, nilai min dan sisihan piawai. Interpretasi skor min telah diambil daripada Wiersma (2000) dan ditunjukkan seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3. Interpretasi Skor Min

Skor min	Interpretasi
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.67	Sederhana
3.68 hingga 5.00	Tinggi

4. Dapatan kajian

4.1 Demografi responden

Jadual 4 menunjukkan jadual demografi responden. Analisis menunjukkan sejumlah 485 orang responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 192 orang pelajar lelaki (39.6%) dan 293 orang pelajar perempuan (60.4%). Manakala dua kategori umur iaitu 18 tahun hingga 20 tahun berjumlah 444 orang responden (91.5%) dan 41 orang responden berumur 21 tahun ke atas (8.5%).

Responden yang terlibat daripada enam jabatan akademik iaitu 114 orang responden (23.5%) daripada JKE, 24 orang responden (4.9%) daripada JKM, 148 orang responden (30.5%) daripada JPH, 77 orang responden (15.9%) daripada JP, 64 orang responden (13.2%) daripada JRKV dan 58 orang responden (12%) daripada JTMK. Dapatan menunjukkan, ibu bapa memainkan peranan utama dalam memberi bimbingan agama dengan kekerapan 332 (68.5%) berbanding sekolah menengah/rendah 80 orang responden (16.5%), kelas fardhu ain/KAFA iaitu 56 orang responden (11.5%), media massa 8 orang responden (1.6%) dan semua di atas dengan kekerapan 9 (1.8%).

Jadual 4. Demografi responden

Klasifikasi	Keterangan	Kekera pan	Perat us
Jantina	Lelaki	192	39.6
	Perempuan	293	60.4
Umur	18 – 20 tahun	444	91.5
	21 tahun ke atas	41	8.5
Jabatan	Kejuruteraan Elektrik (JKE)	114	23.5
	Pelancongan dan Hospitaliti (JPH)	148	30.5
	Perdagangan (JP)	77	15.9
	Kejuruteraan Mekanikal (JKM)	24	4.9
	Rekabentuk dan Komunikasi Visual (JRKV)	64	13.2
	Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK)	58	12.0
Memperole h bimbingan agama daripada	Ibu bapa	332	68.5
	Sekolah Menengah/Rendah	80	16.5
	Kelas Fardhu Ain/KAFA	56	11.5
	Media Massa	8	1.6
	Semua di atas	9	1.8

4.2 Tahap kefahaman pelajar terhadap konsep menuntut ilmu dalam Islam

Dapatan kajian menunjukkan konstruk kefahaman pelajar berada pada tahap yang tinggi iaitu min keseluruhan 4.77. Walaubagaimanapun, item '*Saya faham pelajar perlu membelanjakan wang untuk membeli data internet bagi mengikuti pembelajaran dalam talian*' memperoleh nilai min 4.28 iaitu paling rendah berbanding skor min yang mencapai tahap tinggi yang lain. Didapati 49.9% memilih Sangat Setuju, 31.3% pelajar memilih Setuju, 16.3% memilih Kurang Setuju, 2.3% Tidak Setuju dan 0.2% pelajar Sangat Tidak Setuju. Ini menunjukkan walaupun sebahagian pelajar faham bahawa menuntut ilmu memerlukan peruntukan perbelanjaan, namun terdapat segelintir pelajar yang kurang jelas bahawa menuntut ilmu memerlukan pengorbanan dari aspek kewangan. Imam al-Syafie di dalam syairnya mengenai syarat menuntut ilmu berkata ilmu tidak akan dapat diperoleh melainkan enam perkara iaitu kecerdasan, semangat, kesungguhan, kecukupan perbelanjaan, bimbingan guru dan masa yang panjang (Deewan al-Syafie, 2005). Manakala, item '*Saya tahu keberkatan doa ibubapa bagi mendapat kejayaan ketika menuntut ilmu*' memperoleh nilai min 4.92. Peratusan pelajar yang memilih Sangat Setuju ialah 92.4% dan Setuju ialah 7.6%. Ini menunjukkan pelajar memahami kepentingan doa kedua-dua ibubapa dalam memperoleh kejayaan.

Jadual 5. Kefahaman pelajar terhadap konsep menuntut ilmu

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya faham niat belajar adalah untuk mendapat keredhaan Allah.	4.77	.509	Tinggi
2	Saya faham para pelajar perlu menghormati pensyarah	4.89	.317	Tinggi
3	Saya tahu adab bercakap dengan pensyarah	4.82	.398	Tinggi
4	Saya tahu adab-adab ketika pensyarah sedang mengajar	4.81	.396	Tinggi
5	Saya faham para pelajar perlu memberi perhatian semasa pensyarah sedang mengajar	4.88	.336	Tinggi
6	Saya faham pelajar perlu bersungguh-sungguh menyediakan tugas yang diminta oleh pensyarah	4.82	.395	Tinggi
7	Saya faham pelajar harus menerima teguran pensyarah	4.80	.418	Tinggi
8	Saya faham pelajar perlu membelanjakan wang untuk membeli data internet bagi mengikuti pembelajaran dalam talian	4.28	.832	Tinggi
9	Saya faham pelajar perlu hadir ke kelas walaupun pembelajaran dalam talian	4.74	.562	Tinggi
10	Saya tahu keberkatan doa ibubapa bagi mendapat kejayaan ketika menuntut ilmu	4.92	.266	Tinggi
11	Saya tahu kepentingan mendoakan para pensyarah setiap kali solat	4.65	.547	Tinggi
12	Saya tahu pelajar perlu menjauhi perkara-perkara yang merosakkan akhlak	4.87	.352	Tinggi
Min keseluruhan		4.77		Tinggi

N=485

4.3 Adab Pelajar Dalam Proses Pembelajaran Dalam Talian

Jadual 6 menunjukkan dapatan bagi konstruk adab pelajar dalam proses pembelajaran dalam talian. Keseluruhannya menunjukkan nilai min 4.40 iaitu berada pada tahap yang tinggi iaitu pelajar mengamalkan adab dalam proses pembelajaran dalam talian. Walaubagaimanapun, item '*Saya mengaktifkan paparan kamera semasa pensyarah sedang mengajar dalam talian*' berada pada tahap sederhana iaitu nilai min 3.64. Peratusan pelajar memilih Sangat Setuju ialah 22.1%, Setuju 32.4%, Kurang Setuju 35.7%, Tidak Setuju 7.4% dan Sangat Tidak Setuju 2.5%. Sebaiknya, pelajar perlu mengaktifkan paparan kamera semasa pensyarah

sedang mengajar supaya pensyarah mengetahui bahawa pelajarinya sedang mengikuti pengajaran dan tidak melakukan perkara-perkara lain sewaktu beliau sedang mengajar. Bagi item ‘*Saya menggunakan nama sebenar semasa pengajaran dalam talian berlangsung*’ mencapai nilai min 4.79. Peratusan yang memilih Sangat Setuju ialah 81.6%, Setuju 15.7%, Kurang Setuju 2.5% dan Tidak Setuju ialah 0.2%. Jelas majoriti pelajar menggunakan nama sebenar dengan kekerapan 472 orang. Hal ini dapat memudahkan pensyarah mengenali pelajar dan menunjukkan pelajar mempunyai adab apabila berinteraksi di alam maya bersama pensyarah. Nor Azaian *et.al.*, (2017) menyatakan penggunaan media baru masih lagi mengekalkan adab hubungan berguru kerana konsepnya juga masih mengekalkan sifat interaktif walaupun tidak secara bersemuka. Justeru, kita perlulah berpandukan prinsip Islam yang menggariskan adab-adab ketika berinteraksi dengan guru atau pensyarah seperti tidak memalingkan muka apabila berbicara.

Jadual 6. Adab pelajar dalam proses pembelajaran dalam talian

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
13	Saya bersedia di hadapan komputer riba atau telefon pintar sebelum sesi pembelajaran	4.59	.602	Tinggi
14	Saya membuat pembacaan awal atau ulangkaji sebelum sesi pembelajaran dalam talian	3.97	.759	Tinggi
15	Saya mengaktifkan paparan kamera semasa pensyarah sedang mengajar dalam talian	3.64	.985	Sederhana
16	Saya menggunakan nama sebenar semasa pengajaran dalam talian berlangsung	4.79	.479	Tinggi
17	Saya mengenyah aktif (mute) mikrofon semasa pengajaran dalam talian berlangsung	4.22	.865	Tinggi
18	Saya bersedia menjawab soalan apabila ditanya oleh pensyarah	4.36	.687	Tinggi
19	Saya mengucapkan terima kasih sebelum pensyarah menamatkan pengajaran dalam talian	4.65	.592	Tinggi
20	Saya tidak melakukan kerja-kerja lain semasa sesi pembelajaran dalam talian berlangsung	4.23	.829	Tinggi
21	Saya berpakaian yang sesuai semasa pengajaran dan pembelajaran dalam talian (kuliah/pembentangan/tunjukcara)	4.49	.691	Tinggi
22	Saya memperkenalkan diri setiap kali menghantar mesej kepada pensyarah	4.65	.579	Tinggi
23	Saya menggunakan perkataan yang sesuai apabila menghubungi pensyarah (untuk menyemak tugas dll.)	4.77	.470	Tinggi
24	Saya menghubungi pensyarah pada waktu yang sesuai (bukan waktu malam/hari cuti)	4.45	.733	Tinggi
Min keseluruhan		4.40		Tinggi

N=485

4.4 Adab Pensyarah Dalam Pelaksanaan Pengajaran Dalam Talian

Berdasarkan jadual 7, pelajar bersetuju pensyarah mengamalkan adab dalam pelaksanaan pengajaran dalam talian. Keseluruhan min berada pada tahap tinggi iaitu 4.73. Item ‘Pensyarah memulakan sesi pengajaran dengan bacaan doa’ nilai min 4.37 iaitu peratusan pelajar memilih Sangat Setuju ialah 55.3%, Setuju 28.2%, Kurang Setuju 14.4% dan Tidak Setuju 2.1%. Justeru itu, para pensyarah boleh membiasakan dengan bacaan doa sebelum memulakan sesi pengajaran. Ia juga dapat membantu para pelajar menyediakan minda dan tumpuan kepada PdP yang akan berlangsung. Manakala item ‘Pensyarah memulakan sesi pengajaran dengan memberi salam’ nilai min 4.88 iaitu peratusan Sangat Setuju 89.1%, Setuju 10.1% dan Kurang Setuju 0.8%. Kajian Noor Fadhlina Nawawi *et.al.*, (2019) menunjukkan semakin tinggi tahap keperibadian guru terhadap pelajar berdasarkan persepsi pelajar, semakin tinggi tahap motivasi pelajar untuk mempelajari kursus Pendidikan Islam. Sikap guru atau pensyarah yang mudah didekati dan menjalin hubungan baik dengan pelajar dapat menarik minat dan memotivasikan pelajar untuk mengikuti PdP. Menurut Al-Ghazali dalam tulisannya *Ihya’ Ulum al-Din* dalam Sofiah Mohamed *et.al.* (2016), menyenaraikan akhlak guru iaitu bersifat kasih sayang dan simpati, ikhlas iaitu mengajar dengan niat untuk mendapat keredhaan Allah SWT, menasihati dengan kata-kata yang baik, hikmah iaitu menggunakan kebijaksanaan dalam menegur kesilapan, menyampaikan ilmu mengikut kemampuan akal murid dan akhlak terakhir ialah beramal dengan ilmu sebagaimana yang terdapat dalam al-Quran (al-Baqarah : 44). Ia juga harus menjelmakan peranan guru sebagai *muaddib* atau mentor dalam membentuk tingkah laku dan sahsiah yang baik (Salhah Abdullah, 2006). Berdasarkan panduan tersebut, pengamalan adab pensyarah boleh ditingkatkan lagi kerana pensyarah merupakan individu yang akan diikuti oleh para pelajar dalam segala aspek. Perwatakan guru yang baik dalam tutur kata dan perbuatan akan sentiasa dilihat dan dicontohi oleh pelajar.

Jadual 7. Adab pensyarah dalam pelaksanaan pengajaran dalam talian

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
25	Pensyarah memulakan sesi pengajaran dengan memberi salam	4.88	.347	Tinggi
26	Pensyarah memulakan sesi pengajaran dengan bacaan doa	4.37	.804	Tinggi
27	Pensyarah kelihatan bersedia sebelum memulakan sesi pengajaran dalam talian	4.74	.526	Tinggi
28	Pensyarah memulakan sesi pengajaran setelah semua pelajar bersedia	4.74	.511	Tinggi
29	Pensyarah mengaktifkan paparan kamera semasa sedang mengajar dalam talian	4.78	.471	Tinggi
30	Penampilan pensyarah sesuai semasa sesi pengajaran dalam talian	4.82	.412	Tinggi
31	Pensyarah melaksanakan sesi pengajaran mengikut jadual yang ditetapkan	4.68	.604	Tinggi
32	Pensyarah mengajar dengan bersungguh-sungguh	4.81	.447	Tinggi
33	Pensyarah meraikan pelajar sekiranya ingin bertanyakan soalan	4.75	.510	Tinggi
34	Pensyarah memaklumkan terlebih dahulu kepada pelajar untuk menamatkan sesi pengajaran dalam talian	4.79	.457	Tinggi
35	Pensyarah kelihatan ikhlas dalam menyampaikan ilmu	4.84	.405	Tinggi
36	Pensyarah memahami keadaan pelajar	4.62	.702	Tinggi
Min keseluruhan		4.73		Tinggi

N=485

5. Perbincangan Isu Dan Kesimpulan

Analisis deskriptif menunjukkan pelajar dan pensyarah menghayati adab-adab dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) meskipun pelaksanaan PdP dijalankan secara dalam talian. Ini penting bagi memastikan proses pelaksanaan PdP berjalan lancar dan mencapai objektif pengajaran. Di samping itu, penghayatan adab sangat signifikan dalam proses menuntut ilmu. Ini kerana, Islam meletakkan keutamaan adab dalam menuntut ilmu bagi memperoleh keberkatan. Namun terdapat faktor-faktor lain yang menyebabkan pelajar kurang menghayati adab dalam kelaziman baru PdP antara lain ialah suasana pembelajaran di rumah yang kurang kondusif. Suasana di rumah yang kurang menggalakkan untuk pembelajaran seperti ibu memanggil pelajar semasa PdPDT berlangsung menyebabkan pelajar tidak dapat memberi tumpuan kepada PdP. Selain itu, terdapat juga segelintir pelajar yang bekerja secara sambilan. Kemungkinan faktor-faktor tersebut menyebabkan pelajar enggan mengaktifkan paparan kamera semasa PdP dalam talian.

Selain itu, sikap pelajar sendiri yang menganggap PdP dalam talian tidak formal seperti PdP secara bersemuka, kesannya terdapat pelajar yang tidak bersedia seperti mengenakan pakaian yang kurang sesuai untuk sesi pembelajaran. Pelajar lebih cenderung memakai *t-shirt* dan tidak mengikut etika pakaian pelajar seperti berada di kampus. Kegagalan pelajar mengikut PdPDT di awal pagi dengan alasan tidak bangun tidur turut menjejaskan pelaksanaan PdPDT. Kemungkinan faktor seperti permainan video *games* sehingga lewat malam juga menjawab persoalan mengapa pelajar tidak dapat bangun pagi sehingga tidak dapat mengikut PdP seperti dalam jadual. Pelajar juga harus mempertingkatkan kemahiran komunikasi apabila menggunakan alat teknologi sebagai medium dalam berkomunikasi. Contohnya, apabila menghubungi pensyarah untuk menyemak tugas, pelajar seharusnya memilih perkataan yang sesuai supaya tidak menampakkan pelajar tersebut seolah-olah memberi arahan kepada pensyarah. Hal ini dialami sendiri oleh pengkaji dalam berdepan dengan pelajar. Ini kerana kesantunan berbahasa memainkan peranan penting dalam proses komunikasi bagi menghubungkan pelajar dan pensyarah.

Guru atau pensyarah berperanan dalam melaksanakan tugasnya sebagai pendidik. Cabarannya semakin besar apabila pelaksanaan PdP dijalankan secara dalam talian. Ini kerana, pensyarah perlu memastikan semua pelajarnya dapat mengikut PdP yang dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan. Dalam kelaziman PdP yang baharu, para pensyarah perlu lebih memahami keadaan pelajar. Ibn Sahnun menyatakan seorang guru hendaklah bersungguh-sungguh dan sepenuh jiwa mencurahkan perhatian kepada murid-muridnya (Siti Salwa & Azlina Mustafa, 2014). Pensyarah perlu prihatin dengan keadaan pelajar dengan mengambil tahu keadaan mereka. Dalam pada itu, capaian internet yang lemah sering mengganggu proses PdPDT. Tindakan pensyarah yang terlalu tegas akan menambahkan kesulitan di pihak pelajar mahupun pensyarah. Namun, kelonggaran yang ada bukanlah memberi ruang kepada pelajar untuk mengambil kesempatan dengan tidak menghadiri PdP secara dalam talian.

Kesimpulannya, pelaksanaan PdP secara dalam talian sebagai kelaziman baru memberi peluang kepada pensyarah dan pelajar meneroka pelbagai aplikasi pengajaran dan pembelajaran yang menarik bagi kelangsungan PdPDT. Namun pada masa yang sama, penghayatan dan pengamalan adab semasa PdP perlu ditekankan dalam konteks PdP secara digital supaya pelajar bukan sahaja dapat mempelajari ilmu semata-mata malahan dapat membentuk diri sebagai manusia yang beradab dan berakhlak. Meskipun apa jua situasi pengajaran dan pembelajaran dijalankan aspek adab perlu dihayati oleh pelajar dan pensyarah supaya dapat melahirkan insan yang berilmu dan beradab.

6. Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Abdullah Nasih Ulwan (1997). *Tarbiyah al-Aulad Fi al-Islam*. (Jil. 1-2). Jeddah : Dar al-Salam

Abdul Rahman Al-Musthowi (2005), *Deewan Imam Syafie*, Edisi ketiga. Beirut : Dar el-Marefah.

Adibah Sulaiman@Mohamad, Mohd Azmir Mohd Nizah dan Ahmad Norsyafwan Norawawi (2019). Konsep Pendidikan Islam: Adab guru-pelajar. *Sains Insani*. 4(1): 61- 67.

Cohen, L, Manion, L & Morrison, K. (2007). *Research Methods in Education*. Edisi ke-6. London : Routledge Falmer.

Hasnizam Hashim, Enam adab prasyarat belajar dalam talian, Berita Harian, (2020, Julai 19). 40. Akses pada 5 Disember 2020.
<http://ddms.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/20477>

Kerlinger, F.N. & Lee, H.B. (2001). *Foundation of Behavioral Research*. USA: Harcourt College Publishers.

Mohd Anuar Mamat & Wan Suhaimi Wan Abdullah. Adab-adab guru menurut Imam Abu Hanifah : kajian terhadap *Wasiyyah Abi Hanifah Li Abi Yusuf*. TAFHIM 7 (2014), 97-130

Naquiah Nahar dan Sahrnizam Sangi et.al., (2018). Impak negatif teknologi moden dalam kehidupan dan perkembangan kanak-kanak hingga usia remaja. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 5(1) : 87-99

Noor Azaian Abdul Talib, Mohd Yusof Abdullah & Mohd Azul Mohamad Salleh (2017). Cabaran dakwah Islam di alam siber. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 005 ISSN: 1823-884x

Nor Fadhlina Nawawi & Kamarul Azmi Jasmi et.al., (2019). Kolerasi antara personaliti guru pendidikan Islam dengan motivasi pelajar untuk mempelajari Pendidikan Islam. Akses pada 6 Januari 2021.
https://umexpert.um.edu.my/public_view.php?type=publication& ow=ODU5Mzg%3D

Salhah Abdullah (2006). *Guru Sebagai Fasilitator*. Selangor : PTS Professional.

Sherina Mohd Sidik (2020). Ketagihan permainan video (video game) dan kesihatan mental pelajar. Akses pada 10 Disember 2020.
https://pendaftar.upm.edu.my/artikel/ketagihan_permainan_video_video_game_dan_kesihatan_mental_pelajar-59504

Siti Salwa Md. Sawari & Azlina Mustaffa (2014). Guru bersahsiah mulia menurut pandang Ibn Sahnun : analisa buku adab al-Mualimin. *The Online Journal of Islamic Education*. v.2

Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi & Muhammad Azhar Zailani (2016), Akhlak guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities*. 86 (2) : 31-42

Syed Muhammad Naquib al-Attas (1980). *The Concept of Education in Islam : A framework for an Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur : ISTAC.

William Wiersma (2000). *Research Methods in Education : An Introduction*. Edisi 7. Allyn and Bacon.

Wijaya Kamal Ramlan, Mahasiswa dan adab menuntut ilmu, ke arah keberkatan ilmu dan kehidupan sebagai seorang pelajar. Utusan Borneo, (12 September 2019). Akses pada 21 Dis 2020.

Berita Harian Online. (2020, Jun 23). Hanya 20-30 peratus murid ikuti PdP dalam talian. 6 Disember 2020.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/703364/hanya-20-30-peratus-murid-ikuti-pdp-dalam-talian>

[https://www.moe.gov.my/index.php/dasarmenu/falsafah-pendidikan-kebangsaan.](https://www.moe.gov.my/index.php/dasarmenu/falsafah-pendidikan-kebangsaan) 21 Disember 2020